

Suntik semangat patriotik mahasiswa

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Jabatan Penjara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini telah bekerjasama menjayakan Festival Cipta Lagu Patriotik 2014 (Cipta 2014) sebagai salah satu pengisian memeriahkan sambutan bulan Kemerdekaan Malaysia Ke-57.

Acara yang berlangsung di Dewan Besar USIM itu digerakkan oleh Pusat kebudayaan USIM dengan bertemakan *Melestarikan Perpaduan Hari Esok*. Ia dilihat mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan apabila sebanyak 80 lirik dan 60 buah lagu dihasilkan dari peringkat awal dan sebanyak 10 buah lagu terbaik dipertandingkan pada peringkat akhir.

Festival

ini tambah menarik dengan penglibatan penghuni penjara seluruh Malaysia bersama pelajar USIM berkolaborasi mencipta lagu-lagu patriotik dengan diiringi pemuzik Orkestra DBKL. Kesemua penyertaan pula diadili oleh juri professional seperti Fauzi Marzuki, Siso Koprata dan Datuk Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah).

Juara dimenangi oleh penulis lagu bertajuk *Doa Anak Marhaien* iaitu hasil ciptaan Dennis anak Langit dari penjara Kajang dan Faizil Redzuan dari USIM serta membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000 dan hadiah iringan.

Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed, festival ini bertujuan memupuk kerjasama dan kesedaran masyarakat untuk memahami nilai dan erti sebenar semangat patriotisme yang mendalam dalam kalangan pelajar USIM khususnya bersama penghuni penjara.

"Festival ini juga dijadikan platform untuk menonjolkan bakat dan kreativiti para pelajar bagi menzahirkan kecintaan mereka kepada negara di samping menyuntik semangat patriotik kepada masyarakat di luar sana.

"Melalui pengajuran Cipta sebelum ini, sebanyak enam buah lagu terbaik ciptaan

mahasiswa dan penghuni penjara telah diterbitkan dalam bentuk mini album," katanya.

Tambahnya, salah sebuah lagu di dalam album berkenaan yang bertajuk *Jiwa Berpadu* telah diterbitkan dalam bentuk video klip berdurasi 15 minit bagi menggambarkan jiwa rakyat Malaysia yang cintakan perpaduan.

Turut hadir memeriahkan majlis, Timbalan Ketua Setiasaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri, Prof Datuk Dr. Musa Ahmad; Naib Canselor USIM, Datuk Wan Ali Besar dan Timbalannya, Prof. Datuk Mohamed Asin Dollah.



SELAIN
dapat menyemai
semangat
patriotik, festival
ini juga dapat
menonjolkan
bakat para
mahasiswa.

